



**7 September 2006**

## **PAC bentuk dua pasukan siasat projek bermasalah**

IPOH 6 Sept. – Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) membentuk dua pasukan bagi menyiasat kualiti dan masalah kelewatan dalam projek-projek kerajaan, kata Pengerusinya, Datuk Shahrir Samad. Menurutnya, pasukan pertama menyiasat projek-projek kerajaan yang dikenal pasti bermasalah dalam Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan Jumaat lepas.

Tambahnya, satu pasukan lagi menyiasat projek-projek kerajaan berkepentingan awam yang didapati mengalami masalah atau menjadi isu umum seperti penggabungan penggabungan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Avenue Capital Resources Bhd. (Avenue Capital) dan ECM Libra Bhd. (ECM Libra. “Pembentukan dua pasukan ini akan dapat memastikan ketelusan dalam pengurusan projek-projek kerajaan serta memastikan sebarang masalah projek dapat diselesaikan dengan segera,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas menjadi anggota panel Forum dan Diskusi Perhimpunan Kelab-Kelab Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN BBC) Seluruh Malaysia. Dua lagi anggota panel ialah Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Rastam Mohd. Isa dan Rektor Kolej Yayasan Melaka, Datuk Profesor Ramlah Adam. Shahrir diminta mengulas Laporan Ketua Audit Negara yang diedarkan pada Jumaat lepas sempena pembentangan Bajet 2007 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau memberitahu, PAC akan menyiasat secara terperinci projek-projek yang dikatakan bermasalah dalam laporan tersebut. “PAC ingin tahu mengapa projek-projek kerajaan itu bermasalah dan akan memberi cadangan bagaimana ia dapat diselesaikan. “PAC juga ingin menyiasat projek-projek kerajaan yang belum ditutup akaun bagi memastikan ia diuruskan dengan sempurna dan mengikut peraturan terutama bagi projek-projek yang berkepentingan awam,” katanya.

Beliau memberitahu, PAC gembira dengan kepantasannya Jabatan Ketua Audit Negara mengeluarkan laporan pada tahun ini yang menepati masa iaitu semasa pembentangan Bajet 2007.